



**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
(RISDA)**

(KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR)

Bangunan RISDA, KM 7, Jalan Ampang,
Karung Berkunci 11067,
50990 Kuala Lumpur

Tel : 03-42564022

Faks : 03-42510751

Laman Web : <http://www.risda.gov.my>

Ruj.Kami : RISDA.100-1/7/2 JLD 2 ()

Tarikh : 18 Ogos 2020

28 Zulhijjah 1441 H

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah RISDA Negeri
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA
Semua Pegawai RISDA Daerah/ Jajahan/ Bahagian
Semua Pengetua Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK)/RISTEC

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 13 TAHUN 2020

**PENGUNAAN SURAT AKUJANJI "INTEGRITY PACT" BERKAITAN
ANTIRASUAH, KERAHSIAAN DAN KONFLIK KEPENTINGAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan RISDA (MPR) Bilangan 5 Tahun 2020 bertarikh 13 Ogos 2020 telah bersetuju dengan cadangan penggunaan Surat Akujanji "Integrity Pact" (SAIP) Berkaitan Antirasuah, Kerahsiaan Dan Konflik Kepentingan yang juga merupakan inisiatif yang terkandung dalam *RISDA Anti-Corruption Plan (RACP) 2019-2023*.

3. Untuk makluman, objektif utama pelaksanaan SAIP ini adalah untuk mewujudkan kesedaran, menimbulkan rasa kebertanggungjawaban dan meningkatkan ketelusan di kalangan pembuat keputusan di RISDA. SAIP ini perlu ditandatangani oleh setiap Ahli Jawatankuasa/Mesyuarat seperti berikut :

- 3.1 Jawatankuasa Verifikasi Stok;
- 3.2 Jawatankuasa Melulus Permohonan AET (JMPAET);
- 3.3 Jawatankuasa Melulus Permohonan PPU (JMPPPU);

SALINAN DIAKUI SAH


.....
KHAIROL NAZREE BIN ABU BASIR
Pengurus Besar
Jabatan Pentadbiran &
Sumber Manusia
RISDA Holdings Sdn. Bhd.



- 3.4 Jawatankuasa Perjawatan dan Kenaikan Pangkat;
- 3.5 Jawatankuasa Perjawatan dan Latihan;
- 3.6 Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran;
- 3.7 Jawatankuasa Pelaburan RISDA dan Syarikat Milikan RISDA (SMR);
- 3.8 Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM);
- 3.9 Jawatankuasa Tatatertib; dan
- 3.10 Lain-lain Jawatankuasa/Mesyuarat yang bersesuaian


4. Sedemikian, penggunaan SAIP ini turut dipanjangkan kepada semua SMR untuk diterima pakai, dengan pengecualian diberikan kepada jawatankuasa/mesyuarat/pegawai yang telah sedia ada mempunyai peruntukan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan 1Pekeliling Perbendaharaan (Kementerian Kewangan).

5. Arahan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2020.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


(ABDULLAH BIN ZAINAL)
Ketua Pengarah RISDA

- s.k : i. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat)
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)



Holdings

**SURAT AKUAN OLEH JAWATANKUASA YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN
RISDA HOLDINGS SDN. BHD.
MESYUARAT JAWATANKUASA PEROLEHAN**

Saya, _____

No. Kad Pengenalan (Awam/Tentera/Polis): _____

adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak sehingga boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak ;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Manusia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya dengan ini mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya; dan
- vi. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam surat akuan ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah **Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)** atau **Peraturan Tatakelakuan dan Disiplin Staf Syarikat Kumpulan RISDA Holdings**.

Jawatankuasa :-

- a. Nama
- b. No. K/P
- c. T/Tangan
- d. Jawatan
- e. Tarikh



SURAT AKUJANJI *INTEGRITY PACT* (SAIP) BERKAITAN
ANTI RASUAH, KERAHSIAAN DAN KONFLIK KEPENTINGAN

Saya,No. Kad Pengenalan (Baru)jawatan
..... daripada Pusat Tanggungjawab adalah dengan sesungguhnya
bersetuju dan berakujanji bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang teribat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi segala urusan yang berkaitan dengan....., bagi memastikan kepentingan organisasi dan pemegang taruh terpelihara;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keputusan, ketelusan dan keadilan dalam mana-mana proses ini;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan daripada mana-mana pihak, saya akan melaporkan dengan seberapa segera kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa yang berkaitan. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam urusan ini, adalah milik kerajaan/syarikat dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan urusan ini kepada mana-mana pihak yang tidak berkenaan selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- vi. Saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu rahsia adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Rasmi 1972 [Akta 88];
- vii. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Mesyuarat/Jawatankuasa ini sekiranya terdapat mana-mana ahli keluarga atau saudara mara yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam urusan ini seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- viii. Saya mengesahkan bahawa maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar, sah dan akan dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat apa-apa maklumat atau kenyataan yang tidak benar dikemukakan semasa urusan yang berkaitan dengan Mesyuarat/Jawatankuasa tersebut; dan

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dan Surat Akujanji ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2020 [Akta 605]/ Peraturan-Peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa.

Tandatangan :

Tarikh :

Tandatangan :

Tarikh :

Jawatan :

Pusat Tanggungjawab :



SURAT AKUJANJI *INTEGRITY PACT* (SAIP) BERKAITAN
ANTI RASUAH, KERAHSIAAN DAN KONFLIK KEPENTINGAN
(TEMUDUGA)

Saya, No. Kad Pengenalan (Baru) Jawatan
..... daripada Pusat Tanggungjawab adalah dengan sesungguhnya
bersetuju dan berakujanji bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang teribat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi segala urusan yang berkaitan dengan bagi memastikan kepentingan organisasi dan pemegang taruh terpelihara;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keputusan, ketelusan dan keadilan dalam mana-mana proses ini;
- iii. Sekiranya ada sebarang percubaan daripada mana-mana pihak, saya akan melaporkan dengan seberapa segera kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa yang berkaitan. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- iv. Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam urusan ini, adalah milik kerajaan/syarikat dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- v. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan urusan ini kepada mana-mana pihak yang tidak berkenaan selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- vi. Saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu rahsia adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Rasmi 1972 [Akta 88];
- vii. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Temuduga ini sekiranya **terdapat mana-mana ahli keluarga atau saudara mara yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam urusan ini** seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- viii. Saya mengesahkan bahawa maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar, sah dan akan dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat apa-apa maklumat atau kenyataan yang tidak benar dikemukakan semasa urusan yang berkaitan dengan Temuduga tersebut; dan

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dan Surat Akujanji ini, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2020 [Akta 605]/ Peraturan-Peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa.

Tandatangan :

Tarikh :

Tandatangan :

Tarikh :

Jawatan :

Pusat Tanggungjawab :